

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 JULAI 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MIMOS kelapan terbaik dunia kategori 'Kerajaan dan Institusi Penyelidikan'	Bernamea.com
2	Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 dijangka tarik lebih 10,000 pengunjung perdagangan	Bernamea.com
3	147 karya pelajar seni kreatif UiTM dipamerkan pada pameran Ijazah Bold Alchemize 2015	Bernamea.com
4	Kerjasama JPJ-KPDNKK tangani isu aksesori kenderaan haram dijangka bermula tahun ini	Bernamea.com
5	Gempa bumi lemah 3.1 skala richter landa Ranau pagi tadi	Bernamea.com
6	Gempa bumi sederhana landa pantai barat Sumatera Utara	Bernamea.com
7	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga ahad	Bernamea.com
8	Radiation safety at Lynas plant fully enable	The Star



Mimos Kelapan Terbaik Dunia Kategori 'Kerajaan Dan Institusi Penyelidikan'

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Kedudukan Mimos Berhad (Mimos), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, telah meningkat ke tangga kelapan dalam kategori 'Kerajaan dan Institusi Penyelidikan' berbanding di tangga ke-12 sebelum ini, menurut laporan 'Patent Cooperation Treaty (PCT) Yearly Review'.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin dalam satu kenyataan berkata peningkatan itu berjaya dicapai oleh Mimos hasil daripada jumlah harta intelek (paten) iaitu 119 yang difailkan di bawah PCT bagi tempoh Julai 2012 hingga Jun 2013.

"Jumlah paten ini menyumbang sebanyak 41.2 peratus kepada keseluruhan IP yang difailkan oleh Malaysia pada 2014. Sumbangan Mimos ini juga telah membantu Malaysia mengekalkan tempat keempat (tahun 2013 dan 2014) dalam kategori 'negara berpendapatan sederhana'.

"Tidak boleh dinafikan bahawa kedudukan ini akan memberi impak positif kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang berinovatif di kaca mata dunia," katanya di sini hari ini.

-- BERNAMA



Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 Dijangka Tarik Lebih 10,000 Pengunjung Perdagangan

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Persidangan dan Pameran BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung perdagangan, 250 pempamer termasuk sebuah pavilion antarabangsa dari Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang melibatkan perbadanan multinasional (MNC), badan dan agensi kerajaan.

Acara tiga hari yang bermula pada 17 Ogos, 2015 itu juga dijangka disertai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari kesemua negara anggota ASEAN, yang akan mengetengahkan produk inovatif dan perkhidmatan.

Persidangan dan pameran itu juga akan membuka peluang perniagaan yang besar, yang mempunyai potensi ekonomi luas untuk rantau ini, kata Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp).

Acara tahun ini yang bertemakan 'Bioteknologi ASEAN : Biokepelbagaian kepada Kesejahteraan', dianjurkan bersama oleh [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) dan [BiotechCorp](#), sempena kepimpinan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN 2015.

[Menteri MOSTI Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata acara tahun ini turut memasukkan Bioekonomi ASEAN bagi menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan bio serta menyebarluaskan manfaat ekonomi di rantau ini.

BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 dijangka menggalakkan usaha sama dengan penggiat global dan merangsang inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan matlamat meletakkan Malaysia sebagai kuasa utama Bioekonomi pada masa akan datang.

Tumpuan tahun ini juga adalah ke atas penjagaan kesihatan dan kesejahteraan - fasa berbeza dalam memulihara kebajikan rakyat.

-- BERNAMA



147 Karya Pelajar Seni Kreatif UiTM Dipamerkan Pada Pameran Ijazah Bold Alchemize 2015

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Karya kreatif 147 pelajar Jabatan Reka Bentuk Grafik dan Digital Universiti Teknologi Mara (UiTM) dipamerkan kepada orang ramai pada Pameran Ijazah BOLD Alchemize 2015, yang berakhir Rabu.

Timbalan Dekan Fakulti Seni Lukis dan Reka Bentuk UiTM, Prof Madya Alias Yussof berkata pameran itu, yang bermula pada 3 Julai di Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), menjadi bukti ketekunan dan kerjasama antara pelajar semester akhir dan pensyarah dalam menghasilkan karya berkualiti tinggi, setanding dengan yang terdapat di pasaran sedang muncul.

"Ini merupakan suatu kerjasama antara UiTM dan [Majlis Rekabentuk Malaysia \(MRM\)](#) dan kami berazam untuk mengukuhkan lagi kerjasama ini untuk terus memperkenalkan pereka bentuk muda kami yang berbakat besar, bukan sahaja untuk pasaran tempatan, tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya pada majlis pelancaran dan perasmian penutup pameran itu Rabu.

Alias berkata BOLD bukan sahaja berjaya mendedahkan reka bentuk grafik kepada orang ramai, tetapi juga dilihat peserta industri tempatan sebagai platform penting untuk mengenal pasti bakal pekerja mereka.

-- BERNAMA

